

**SOALAN NO.: 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN  
[ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perjalanan dan jumlah kos penggunaan jet 9M-NAA dari 22 Disember 2014 hingga 7 Januari 2015. Senaraikan manifest penumpang.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang 22 Disember 2014 hingga 7 Januari 2015, jet 9M-NAA digunakan untuk tujuan urusan rasmi YAB Perdana Menteri. Segala kos yang tertanggung adalah berdasarkan had kelayakan YAB Perdana Menteri. Manakala, para penumpang yang menaiki pesawat tersebut adalah mereka yang berkelayakan menaikinya seperti pasukan keselamatan yang ditugaskan melindungi YAB Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN : 40**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pampasan yang dibayar kepada waris mangsa naas penerbangan MH370 dan MH17 dan apakah masalah-masalah yang berbangkit dari tuntutan-tuntutan tersebut.

## **JAWAPAN**

Jumlah pampasan yang dibayar kepada waris mangsa naas penerbangan MH370 dan MH17 adalah mengikut *Montreal Convention 1999* yang berdasarkan pembuktian kerugian (*subject to proof of loss*) yang ditanggung oleh setiap penumpang.

Dalam hubungan ini, MAS telah menawarkan bayaran pampasan pendahuluan (*Advance Compensation Payment (ACP)*) berjumlah USD50,000 sebagai sebahagian daripada bayaran pampasan penuh kepada setiap waris/keluarga penumpang dan anak kapal MH370 dan MH17.

Sehingga 6 Mac 2015, seramai 52 orang waris/keluarga penumpang dan anak kapal bagi pesawat MH370 telah menerima bayaran pampasan pendahuluan. Manakala seramai 164 orang waris/keluarga penumpang dan anak kapal bagi tragedi MH17 pula telah menerima bayaran yang sama.

Pihak MAS telah memaklumkan waris mangsa pesawat MH17 dan MH370 masing-masing pada 28 dan 29 Januari 2015 berhubung kesediaan pihak MAS untuk mengadakan rundingan mengenai bayaran pampasan penuh bagi kedua-dua insiden tersebut.

Sehingga 6 Mac 2015, seramai 3 orang waris/keluarga penumpang dan anak kapal pesawat MH370 telah menyatakan kesediaan untuk mengadakan rundingan tersebut. Manakala seramai 4 orang waris/keluarga penumpang dan anak kapal pesawat MH17 telah menyatakan perkara yang sama.